

16 NOV 1998

APEC-BERITA-MATAWANG/I

FILIPINA HARGAI USAHA MENGAWAL DAGANGAN MATAWANG

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Kerajaan Filipina sekarang memahami perlunya mengawal dagangan matawang, kata Setiausaha Luarnya Domingo L. Siazon hari ini.

"Kami sekarang memahami mengapa dunia memerlukan peraturan dan pengawasan urus niaga matawang, terutamanya dana lindung nilai," katanya.

Beliau berkata transaksi harian matawang bernilai AS\$1.2 trilion terlalu besar berbanding "ekonomi individu kita."

Krisis kewangan serantau dibincangkan semasa rundingan dua hala antara Presiden Filipina Joseph Estrada dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya.

"Dr Mahathir menjelaskan dasar matawang (kerajaan) dan beliau yakin ia akan berjaya untuk Malaysia," kata Siazon kepada pemberita selepas rundingan itu, yang diadakan menjelang sidang kemuncak ketua ekonomi Apec esok.

Beliau berkata mereka juga membincangkan kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara, terutamanya sektor swasta.

Siazon berkata kerjasama ekonomi Malaysia-Filipina harus diteruskan, terutamanya semasa kegawatan ekonomi kerana terdapat lebih 50 syarikat Malaysia di Filipina.

Beliau berkata kawalan matawang telah dibuktikan gagal di Filipina kerana ia adalah negara kepulauan.

"Dan kami mempunyai sempadan yang memudahkan kegiatan penyeludupan," katanya.

Malaysia baru-baru ini melaksanakan kawalan berpilih-pilih matawang, termasuk menetapkan ringgit pada kadar 3.8 berbanding dolar Amerika, bagi melindungi negara itu daripada spekulator matawang.

-- BERNAMA

AD YBY RI